

# MESYUARAT AGUNG TAHUNAN BAKAT SKN 323 TUDM BUKIT LUNCHU

[airforce.mil.my/berita/berita-dari-pangkalan/4601-mesyuarat-agung-tahunan-bakat-skn-323-tudm-bukit-lunchu-2](http://airforce.mil.my/berita/berita-dari-pangkalan/4601-mesyuarat-agung-tahunan-bakat-skn-323-tudm-bukit-lunchu-2)

BUKIT LUNCHU, 2 Mac 19 - Mesyuarat Agung Tahunan 2019 BAKAT Udara, Skuadron 323 TUDM Bukit Lunchu telah dipengerusikan oleh Puan Rosliza binti Abu bertempat di Dewan Wisma Bintara Skuadron 323.

Turut hadir dalam AGM tersebut adalah Pegawai Memerintah Skn 323, Mej Mohd Rizal bin Zainol TUDM dan Ketua Bahagian Khidmat selaku Penasihat BAKAT Skn 323, Mej Mohd Yusri bin Hassan TUDM.

Antara agenda utama AGM kali ini adalah memilih Ketua Biro dan AJK BAKAT Skn 323 bagi tahun 2019 serta merancang aktiviti tahunan. Dalam masa yang sama ahli-ahli BAKAT Udara turut diberi penerangan dan pendedahan berkaitan Ceramah Kebakaran oleh anggota BOMBA Skn 323.

